

SULIT

NO. KAD PENGENALAN : .....

ANGKA GILIRAN : .....



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2024**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**SEJARAH**

**1249/2**

**Kertas 2**

**Oktober**

**2 jam 30 minit**

**SEJARAH**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan didalam kertas peperiksaan ini.*
4. ***Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.***

| Untuk Kegunaan Pemeriksa |        |              |                  |
|--------------------------|--------|--------------|------------------|
| Bahagian                 | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A                        | 1      | 10           |                  |
|                          | 2      | 10           |                  |
|                          | 3      | 10           |                  |
|                          | 4      | 10           |                  |
| B                        | 5      | 20           |                  |
|                          | 6      | 20           |                  |
|                          | 7      | 20           |                  |
|                          | 8      | 20           |                  |
|                          | 9      | 20           |                  |
| Jumlah                   |        | 100          |                  |

Kertas soalan ini mengandungi **22** halaman bercetak.

- 1 Kesedaran awal semangat nasionalisme dapat ditelusuri sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Semangat tersebut terus berkembang selepas kedatangan penjajah British di negara kita.

(a) Apakah maksud nasionalisme?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan kesedaran nasionalisme di negara kita sehingga awal abad ke-20.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Perkembangan nasionalisme di negara luar turut memberi kesan ke atas negara kita. Beri penjelasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 Sabah menjadi tanah jajahan British apabila Syarikat Borneo Utara British menandatangani perjanjian penyerahan Sabah kepada kerajaan British pada 26 Jun 1946.

(a) Senaraikan **dua** faktor penyerahan tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Jelaskan kedua-dua faktor penyerahan dalam 2(a).

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Beri cadangan anda untuk menyemai semangat patriotik berdasarkan poster tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa seiring dengan kemerdekaan negara kita. Gabungan unsur tradisional dan moden menunjukkan keunikan sistem perlembagaan tersebut.

(a) Apakah yang anda faham tentang Perlembagaan Persekutuan?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri utama Perlembagaan Persekutuan berikut:

(i) Ciri tradisional

.....

.....

.....

[2 markah]

(ii) Ciri moden

.....

.....

.....

[2 markah]

- (c) Baca petikan berikut.

Bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini penting kerana bahasa merupakan jambatan penghubung antara masyarakat yang berbilang budaya dan etnik.

Sumber: Diubah suai daripada *Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation* 29 (1) (2011)

Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal untuk membentuk kebudayaan kebangsaan dan melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu.

(a) Nyatakan **dua** prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Senaraikan **dua** matlamat pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Namakan **dua** agensi yang terlibat dalam menjayakan pelaksanaan dasar tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Kebudayaan kebangsaan perlu dipelihara bagi mengekalkan perpaduan kaum.  
Ulaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**Bahagian B**

[ 60 markah ]

*Jawab tiga soalan sahaja daripada bahagian ini.*

- 5 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang bertulis iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

(a) Jelaskan kandungan Hukum Kanun Melaka dalam aspek berikut:

(i) Kekeluargaan [4 markah]

(ii) Ekonomi [4 markah]

(b) Pernyataan berikut berkaitan undang-undang di Melaka.

Hukuman bunuh akan dijatuhkan kepada mereka yang melakukan kesalahan

Huraikan kesalahan tersebut.

[4 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Keadaan tegang yang menggugat perpaduan juga tidak mustahil boleh berlaku di Malaysia sekiranya kita leka dan tidak mendukung prinsip keempat Rukun Negara yang mendaulkan undang-undang. Tujuan penguatkuasaan undang-undang itu bukan medium untuk menghukum, tetapi untuk memastikan kerukunan sesuatu perkara dapat berlangsung dengan sempurna demi kebaikan bersama, menurut Pakar Perlembagaan Prof. Madya Dr. Shamrahayu Abd Aziz.

“Kerajaan dan rakyat keseluruhannya terikat dengan undang-undang dan wajib mematuhi. Inilah prinsip utama dalam konsep kedaulatan undang-undang. Kedudukan semua warganegara sama di sisi undang-undang, dari individu biasa hingga pimpinan tertinggi. Apabila undang-undang diutamakan, tiada lagi ruang yang wujud untuk tindakan sewenangnyanya,” katanya kepada Bernama sempena sambutan ulang tahun Rukun Negara ke-50 bersempena sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan 2020, yang dijadual pada 9 Julai ini.

Menjelaskan lebih lanjut prinsip keempat Rukun Negara itu, Shamrahayu berkata rakyat Malaysia dilihat sebagai sebuah bangsa yang sentiasa bersedia mendepani cabaran dengan penuh disiplin yang menjadi kunci keamanan dikecapi negara sehingga hari ini.

Sumber : Bernama Online, 2020

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

- 6 Majlis Perundangan Persekutuan dibentuk pada tahun 1948. Selepas pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 beberapa perubahan berlaku yang membawa kepada penubuhan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

(a) Jelaskan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan berikut:

(i) Majlis Perundangan Persekutuan 1948 [3 markah]

(ii) Majlis Perundangan Persekutuan 1955 [3 markah]

(b) Terangkan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

[6 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang dikenali dengan kemajmukan kaumnya, mengambil pendekatan kesamarataan dalam menggubal sebarang dasar secara berhati-hati. Ketaksuban memperkenalkan konsep kesamarataan pastinya akan membunuh konsep keadilan.

Sumber : Diubah suai daripada [malaysiagazette.com](http://malaysiagazette.com), 23 April 2024

Berikan ulasan anda.

[8 markah]


- 7 Maklumat berikut merupakan peringkat pentadbiran negara berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

- Kerajaan Persekutuan
- Kerajaan Negeri
- Kerajaan Tempatan

- (a) Bagaimanakah pembahagian kuasa tersebut dilaksanakan?

[4 markah]

- (b) Jelaskan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam rajah berikut.



[8 markah]

- (c) Petikan berikut berkaitan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kebahagiaan dan kepuasan rakyat dalam hidup boleh dicapai. Kedua-dua kerajaan saling membantu menyediakan keperluan asas dan kemudahan perumahan. Walaupun keadaan ekonomi masih belum pulih sepenuhnya, kerajaan akan terus komited menjalankan usaha-usaha menjamin keselamatan dan kesejahteraan penduduk. Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri amat penting untuk mengukuhkan persekutuan. Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri diadakan untuk membincangkan pelaksanaan dasar kerajaan.

Sumber: <https://mytownnet.planmalaysia.gov.my>

Mengapakah kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri penting berdasarkan petikan tersebut?

Bagaimanakah sistem persekutuan dapat diperkukuh?

[8 markah]

8 Rancangan pembangunan lima tahun selepas pembentukan Malaysia bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970).

(a) Jelaskan isu pembangunan dan ekonomi pada masa tersebut.

[4 markah]

(b) Bagaimanakah isu tersebut diatasi oleh kerajaan?

[8 markah]

(c) Teliti gambar berikut.



Sumber: <https://www.penaminang.com/2013/06/>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam gambar tersebut dan berikan pandangan anda.

[8 markah]

9 Dasar luar Malaysia memasuki fasa baharu sejak tahun 1970-an dalam bidang ekonomi, sosial dan politik di peringkat antarabangsa.

(a) Jelaskan cabaran dalam usaha mengukuhkan dasar luar Malaysia.

[6 markah]

(b) Terangkan pelibatan Malaysia dalam kerjasama berikut:

(i) Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)

[3 markah]

(ii) Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO)

[3 markah]

(c) Teliti sajak berikut.

Makna Sebuah Rantau  
- dari semangat pembentukan ASEAN

Ketika digagaskan gabungan  
Negarawan mengintikan perpaduan.

Suluh rantau yang berpetak  
Seringkali sukar mempersandingkan gerak.

Mengambil iktibar lidi sebatang  
Kekuatan ASEAN rentang-merentang.

Silih berganti upaya dikisar  
Suara yang kecil berubah besar.

Ketika rantau diberikan nama  
Letak dan duduknya sejajar saksama.

Lalu bertali-temalilah sidang dan rancang  
Pupuk-memupuk ke pelangi pencapaian.

Dinamika itu gugus prakarsa  
Tawa dan tangis negarawan memeriksa.

ASEAN pohon teguh menembus ruang  
Saat dijanakan seluruh perjuangan .

Sentiasa mengutuskan warkah berpaksi  
Dunia memandang ufuk lebih bersegi.

Ketika sempadan negara dirapatkan  
Terbetik impian mengikat kebangkitan.

Pencipta : Lim Swee Tin, 2015

Jelaskan mesej yang terkandung dalam sajak tersebut dan manfaat bersahabat dengan negara jiran.

[8 markah]



[illegible]

This image shows a full page of a handwriting practice worksheet. It consists of approximately 20 horizontal rows. Each row is defined by two parallel dotted lines, creating a series of uniform gaps for letter height. The lines are evenly spaced across the entire page, providing a guide for consistent letter formation. There is no text or other markings on the page.

[illegible]

This image shows a full page of a handwriting practice worksheet. It consists of approximately 28 horizontal rows. Each row is defined by two parallel dotted lines, creating a series of uniform gaps for letter height. The paper is otherwise completely blank, with no margins, text, or other markings.

[illegible]

This image shows a full page of a handwriting practice worksheet. It consists of approximately 20 horizontal rows. Each row is defined by two parallel dotted lines, creating a series of uniform gaps for letter height. The lines are evenly spaced across the entire page, providing a guide for consistent letter formation. There is no text or other markings on the page.

[illegible]

[illegible]

## KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT